



TEKS UCAPAN KATA ALU-ALUAN

**PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

BERSEMPENA

SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2026 PERINGKAT SARAWAK

**TARIKH:
29 APRIL 2026 (RABU)**

**TEMPAT: AUDITORIUM KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN NEGERI
SARAWAK**

SALUTATION:

1. Ts. Mohamad Zaihan bin Lek,
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Operasi)
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
2. Tuan Ahmad Saifful bin Salihin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Penguatkuasa
Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat
3. Tuan Ts. Mirza bin Zainuddin,
Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
4. Tuan Mohammad Rahimi bin Dollah
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penilaian
Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat
5. Tuan Mohd Syahnidzam bin Ahmad
Pegawai Undang-Undang
Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat
6. Ketua-ketua dan wakil-wakil Jabatan Persekutuan dan Negeri yang berada di auditorium dan juga secara dalam talian (online)
7. Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur

Pergi ke hutan memetik rotan,
Singgah sebentar di tepi telaga;
Alam dijaga jadi keutamaan,
Warisan lestari untuk semua.

[SALUTATION]

PENDAHULUAN

1. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang dapat meluangkan masa untuk hadir dan terlibat pada pagi ini untuk kita sama-sama menyambut Majlis Sambutan Hari Bumi 2026 Peringkat Negeri Sarawak. Sambutan kali ini dianjurkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak bagi menunjukkan komitmen di dalam kempen kesedaran pemuliharaan dan pemeliharaan kesejahteraan bumi yang kita alami dan akan diwariskan kepada generasi akan datang.

SAMBUTAN HARI BUMI 2026

2. Pada tahun ini, sambutan Hari Bumi mengangkat tema "Our Power, Our Planet", tema ini membawa maksud yang mendalam dan amat relevan dengan situasi alam sekitar global hari ini. Ia menekankan bahawa setiap daripada kita memiliki kuasa dan tanggungjawab untuk melindungi bumi — sama ada melalui tindakan kecil seperti mengitar semula, menjimatkan tenaga, atau menyebarkan kesedaran dalam komuniti. Kuasa ini terletak pada pilihan harian kita, gaya hidup kita, dan keazaman kita untuk membuat perubahan. Bumi ini adalah satu-satunya rumah yang kita ada, dan masa depan planet ini sangat bergantung

kepada tindakan kita hari ini. Oleh itu, "Our Power, Our Planet" adalah satu seruan untuk kita bangkit dan bertindak, bukan hanya berharap kepada orang lain, tetapi bertindak sendiri demi kelestarian alam.

3. Tema ini tertumpu pada penglibatan lebih daripada 1 bilion rakyat seluruh dunia yang mengambil bahagian setiap tahun pada Sambutan Hari Bumi yang disambut setiap tahun pada 22 April.

4. Sambutan Hari Bumi ini diraikan pada setiap tahun di seluruh dunia sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Jabatan Alam Sekitar pada setiap tahun telah terlibat dalam penganjuran program-program kesedaran alam sekitar sempena Sambutan Hari Bumi sebagai usaha dalam meningkatkan kesedaran masyarakat di Malaysia terhadap alam sekitar.

5. Dalam menghadapi arus pembangunan pesat di Sarawak, kita tidak dapat lari daripada cabaran berkaitan alam sekitar. Antara isu-isu yang sering dibangkitkan termasuk pencemaran sungai akibat pelepasan efluen industri, gangguan kualiti udara disebabkan aktiviti perindustrian, serta konflik guna tanah berhampiran penempatan komuniti setempat. Sebagai contoh, terdapat situasi di mana pembangunan industri yang terlalu hampir dengan kawasan sensitif seperti sungai utama atau kawasan penempatan telah menimbulkan kebimbangan terhadap sumber air dan kesihatan awam. Selain itu, insiden pelepasan bahan - bahan pencemar boleh memberi kesan langsung kepada ekosistem sungai yang menjadi sumber kehidupan masyarakat luar bandar di Sarawak. Bagi

membantu Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa melulus di dalam perancangan pembangunan di kawasan masing – masing, Jabatan

Alam Sekitar telah menerbitkan Garis Panduan **Pollution Prevention in Industrial Siting (PPIS) 2025**. Garis Panduan ini telah memperincikan jenis serta kategori industri beserta panduan yang boleh diambil sebelum sebarang pembangunan dibuat. Pembangunan yang dijalankan, akan diimbangi penguatkuasaan melalui pewartaan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) 2005** bertujuan untuk memperkukuhkan keupayaan dan kecekapan agensi/jabatan kerajaan di dalam memastikan pematuhan undang-undang secara lebih berkesan dan meluas.

6. Oleh itu, pengisian sambutan Hari Bumi Tahun 2026 di peringkat Sarawak melibatkan sesi taklimat Garis Panduan *Pollution Prevention In Industrial Siting 2025* (PPIS) dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) 2005 yang akan disampaikan oleh para pegawai JAS Ibu Pejabat di Putrajaya. Sesi taklimat ini diharapkan dapat menjadi platform untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai Garis Panduan PPIS 2025 di dalam perancangan penempatan kawasan perindustrian serta menjelaskan kaedah pelaksanaan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) 2005 serta penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Seiring dengan tema “**Our Power, Our Planet**”, kedua-dua pendekatan ini mencerminkan tanggungjawab dan keupayaan kita dalam melindungi alam sekitar secara kolektif. Saya berharap agar melalui kedua-dua sesi taklimat ini, para peserta akan memperoleh pemahaman yang komprehensif serta dapat mengaplikasikannya di dalam bidang tugas masing-masing.

KERJASAMA SETIAP AGENSI DI DALAM PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

7. Justeru, dalam mendepani cabaran dan merungkai masalah pencemaran alam sekitar yang silih berganti, sinergi antara agensi-agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri harus terus digembleng melalui aktiviti penguatkuasaan yang menyeluruh dan bersepadu. Hari ini adalah harinya untuk bertindak bukan saja kerana kita peduli kepada alam sekitar tetapi juga kerana kita semua tinggal di dalamnya. Setiap di antara kita perlukan bumi yang sihat untuk menyokong pekerjaan, sumber pendapatan, kesihatan dan kelangsungan hidup serta kebahagiaan kita. Planet sihat bukan pilihan, tetapi suatu keperluan.

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pegawai JAS Ibu Pejabat di Putrajaya yang sudi hadir untuk meyampaikan taklimat dan juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan program sambutan ini termasuk rakan-rakan dari agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan para urusetia dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak yang hadir. Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

Indah nian bunga di taman,
Harum mewangi sepanjang hari;
Alam dijaga penuh aman,
Generasi nanti pasti lestari.

Sekian, terima kasih.